

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	18 September 2015

Najib bertemu, bincang ekonomi bersama pemimpin industri

PUTRAJAYA 17 Sept. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengadakan dialog perniagaan berprofil tinggi bersama 30 ketua pegawai eksekutif (CEO) utama di sini bagi membincangkan kedudukan ekonomi semasa.

Najib yang juga Menteri Kewangan, menyifatkan pembabit Dialog Pemimpin Perniagaan itu sebagai tepat pada masanya bagi mendapatkan pandangan dalam menangani cabaran ekonomi global semasa.

Dialog itu antara lain membincangkan langkah segera bagi memulihkan keyakinan dan menstabilkan ekonomi negara, katanya.

Pemimpin perniagaan yang menghadiri dialog itu terdiri daripada CEO Kumpulan AirAsia, Tan Sri Tony Fernandes; CEO Kumpulan Telekom Malaysia, Tan Sri Zamzamzairani Mohd Isa; Pengarah Urusan Public Bank, Tan Sri Tay Ah Lek; Ketua Eksekutif Kumpulan CIMB Group Holdings Bhd., Tengku Datuk Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Pengarah Urusan Malaysia Atrports Holding Berhad, Datuk •Badlisham Ghazali.

"Saya mahu mendapatkan pandangan anda mengenai kaedah bekerja bersama-sama sektor awam dan swasta bagi mengukuhkan ekonomi kita. Sudah semestinya, ia merupakan pertimbangan serius yang dibuat oleh kerajaan," kata Najib sebelum mempengerusikan sesi dialog di Perdana Putra di sini.

Sesi dialog itu turut dihadiri Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar; Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Datuk Ranjit Ajit Singh dan CEO TalentCorp, Johan Mahmood Merican.



NAJIB TUN RAZAK mempengerusikan mesyuarat Majlis Eksport Negara di bilik mesyuarat Pejabat Perdana Menteri, Bangunan Perdana Putra, semalam. Turut hadir Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar (tiga dari kanan), Gabenor Bank Negara, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz (kiri), Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah (tiga dari kiri) serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed (dua dari kanan). - BERNAMA

Najib berharap dialog itu akan memberikan momentum baharu untuk negara bergerak ke hadapan. "Bukan sahaja apa yang boleh kita laksana serta-merta, malah

untuk Bajet akan datang yang akan dibentangkan pada 23 Oktober depan," katanya.

Najib berkata, pelaksanaan langkah ekonomi yang proaktif berdasarkan cadangan Jawatankuasa Khas Ekonomi Isnin lepas diterima baik dan positif oleh pasaran.

Sementara itu, satu kenyataan daripada TalentCorp menyebut Dialog Pemimpin Perniagaan itu turut

membincangkan Tinjauan Kepelbagaian TalentCorp-PwC di tempat kerja 2015.

Tinjauan itu menunjukkan syarikat senaraian awam dalam Perkhidmatan Kewangan dan sektor Barangan Pengguna yang laris telah mencapai sasaran 30 peratus kerajaan untuk wanita mengisi kedudukan di peringkat pengurusan utama.

Ia berkata, 31 peratus syarikat senaraian awam yang ditinjau, tidak mempunyai wanita sebagai anggota lembaga pengarah, 19 peratus tidak melantik wanita sebagai pengurusan utama, 24 peratus tidak mempunyai kepelbagaian etnik di peringkat pengurusan utama dan 31 peratus tidak mempunyai anggota lembaga pengarah berusia kurang daripada 50 tahun. - BERNAMA